



**EVOLUSI
DEKAD**
DEKAD LAYANAN BAKA SA UTM
1956-2026



**UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA**

Pusat
Residensi dan
Hospitaliti Pelajar

eISSN 2838-0002



9 772838 000002

EDISI 1/2026

INSPIRA

Info-Siswa-Aspirasi-Residensi

PRHP

e-Buletin

Pusat Residensi & Hospitaliti Pelajar



**Dapur Siswa
MADANI UiTM**



**Food Bank
Siswa UiTM**



**Menu Kasih
Siswa UiTM**



**MALAYSIA
MADANI**

UiTM *di hastika*

إرشاد الطلاب

prhputimsa@uitm.edu.my

@prhputimsa

MENU KASIH SISWA UiTM

SINERGI STRATEGIK PENIAGA DAN WARGA KAMPUS DEMI HIDANGAN BERKHASIAT MAMPU MILIK

Oleh: Sidang Redaksi INSPIRA PRHP

SHAH ALAM – Menyedari pentingnya pemakanan yang seimbang dalam menyokong kehidupan seharian mahasiswa, Unit Ruang Niaga (URN), Pusat Residensi & Hospitaliti Pelajar (PRHP) bersama Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) UiTM terus komited menggerakkan inisiatif Menu Kasih Siswa UiTM. Program ini merupakan satu pendekatan berimpak tinggi yang menggabungkan elemen keprihatinan warga Universiti dan jalinan kerjasama dengan peniaga makanan tempatan di dalam kampus.

Sinergi Bersama Peniaga Kampus

Kejayaan pelaksanaan Menu Kasih Siswa UiTM adalah menerusi kolaborasi erat antara pihak peniaga makanan di dalam kampus UiTM bersama pihak fakulti, kolej kediaman dan Majlis Perwakilan Pelajar.

Sinergi ini memastikan pelaksanaan Menu Kasih Siswa UiTM tidak hanya berfokus di kawasan kolej kediaman, malah meluas ke kafeteria fakulti serta fasiliti tumpuan pelajar Non Resident. Menerusi persefahaman ini, peniaga dapat menawarkan pelbagai variasi hidangan berkualiti pada kadar harga yang sangat berpatutan dan jauh lebih rendah berbanding harga pasaran semasa.

Model Dana Sumbangan: Subsidi & Hidangan Percuma

Salah satu keunikan utama Menu Kasih Siswa UiTM adalah mekanisme pelaksanaannya yang mampan dan berteraskan budaya infak warga kampus. Sumbangan kewangan yang diterima daripada warga UiTM termasuk staf akademik, pentadbiran, alumni, dan badan prihatin disalurkan secara tersusun kepada pihak peniaga terpilih yang dilantik.

Sumbangan ini bertindak sebagai subsidi penyediaan menu tertentu. Dengan adanya sokongan dana tersebut, peniaga dapat menampung sebahagian kos bahan mentah, seterusnya membolehkan hidangan siap dimasak dijual kepada mahasiswa pada harga yang lebih murah atau diberikan secara percuma terus kepada pelajar yang memerlukan tanpa menjejaskan *margin* peniaga mahupun kualiti makanan.

Penyediaan Nutrisi Berkhasiat dan Seimbang

Meskipun ditawarkan pada harga rahmah mahupun secara percuma, aspek kualiti dan khasiat makanan tidak pernah dikompromi. Pihak pengurusan memastikan setiap penawaran Menu Kasih memenuhi keperluan nutrisi yang seimbang merangkumi karbohidrat, protein, serta serat daripada sayur-sayuran dan buah-buahan seperti di dalam garis panduan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi.

Kecukupan nutrisi ini amat penting bagi memastikan mahasiswa UiTM mendapat tenaga yang optimum untuk menghadiri kuliah, menyelesaikan tugas, serta kekal cergas secara fizikal dan mental sepanjang pengajian.

Impak Menyeluruh di Seluruh Sistem UiTM

Pelaksanaan Menu Kasih Siswa UiTM dijayakan secara serentak di seluruh kampus cawangan UiTM di seluruh negara. Dengan liputan yang menyeluruh ini, setiap mahasiswa sama ada yang menetap di kolej mahupun yang menyewa di luar dapat menikmati hidangan yang bersih, sedap, berkhasiat, dan mampu milik setiap hari.

Inisiatif Menu Kasih Siswa UiTM bukan sahaja meredakan isu kos sara hidup pelajar, malah menjadi bukti nyata keutuhan ekosistem keprihatinan warga UiTM dalam menyantuni kebajikan mahasiswanya secara berterusan.



اَوْبُوْ دَسِيْقِيْ تَيْكُوْ لَوِيْجِيْ مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Jabatan
Hal Ehwal Pelajar



اوسها تقوى موليا

Universiti Unggul Pemacu
Bumiputera Profesional

